

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu Skim 1 Orang Kurang Upaya 1 Perniagaan (S1O1P)?	S1O1P merupakan satu skim bagi golongan orang kurang upaya yang ingin mendaftarkan perniagaan dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. S1O1P menawarkan pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan untuk tempoh satu (1) tahun sahaja.
2	Siapakah yang layak menikmati Skim S1O1P?	Pemohon yang layak untuk skim ini adalah seperti berikut: (a) Warganegara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan; (b) OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia; dan (c) Belum mendaftarkan perniagaan dan pembaharuan menggunakan skim ini di SSM.
3	Adakah pengecualian fi ditawarkan di bawah skim ini?	Ya, pengecualian fi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan adalah seperti berikut: (a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun; dan (b) Perniagaan milikan tunggal atau perkongsian menggunakan nama tred – RM60 setahun.
4	Bagaimanakah cara untuk memohon S1O1P?	Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui portal Ezbiz Online di pautan ezbiz.ssm.com.my . Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu sebelum boleh mendaftarkan perniagaan dan pembaharuan perniagaan.
5	Bilakah pembaharuan pendaftaran perniagaan S1O1P perlu dibuat?	Pembaharuan pendaftaran perniagaan hendaklah dilakukan dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh luput perniagaan untuk tempoh setahun sahaja.
6	Adakah S1O1P terpakai bagi	Ya, pemohon boleh memilih untuk mendaftarkan perniagaan perkongsian namun rakan kongsi mestilah terdiri daripada kategori OKU sahaja.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	perniagaan perkongsian?	
7	Adakah cetakan maklumat perniagaan tidak termasuk dalam pengecualian fi untuk skim S1O1P?	Ya, cetakan maklumat perniagaan tidak termasuk dalam pengecualian fi. Cetakan maklumat boleh didapati dengan harga RM10.